



**PARLIMEN MALAYSIA  
KUALA LUMPUR**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa Mengenai Perkembangan Kenderaan Elektrik di Malaysia**

Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa, Dewan Rakyat pada hari ini, (Selasa, 19 Mei 2026) telah mengadakan satu mesyuarat bersama Jawatankuasa Pilihan Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi di Parlimen Malaysia.

Antara agenda dalam mesyuarat ini ialah mendengar keterangan - keterangan yang dikemukakan oleh pihak Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri berkenaan Dasar Automotif Nasional serta isu – isu berbangkit berhubung pelaburan BYD di Malaysia. Pihak kementerian menjelaskan bahawa kerajaan kekal konsisten dalam pelaksanaan syarat-syarat pelaburan yang dinyatakan dan terbuka untuk perbincangan dalam meningkatkan pelaburan berpotensi. Dalam perkara ini, Ahli – ahli Jawatankuasa berpandangan bahawa perbincangan yang lebih menyeluruh berhubung Dasar Automotif Nasional diperlukan dalam mengimbangi industri automotif tempatan seperti Proton dan Perodua.

Jawatankuasa juga mendapatkan penerangan berhubung cabaran serta potensi peralihan automotif yang turut merangkumi kenderaan elektrik, kenderaan elektrik hybrid (*hybrid electric vehicle*), kenderaan hibrid palam masuk (*plug-in hybrid electric vehicle*) serta kenderaan cekap tenaga seperti hidrogen dan biodiesel (*energy efficient vehicle*) sebagai alternatif dalam mendepani peningkatan harga minyak serta kesesuaian penggunaan kenderaan - kenderaan alternatif ini mengikut kesesuaian landskap di Malaysia seperti di Sabah dan Sarawak.

Jawatankuasa sebulat suara bersetuju bahawa peralihan kenderaan berpetrol kepada kenderaan elektrik akan memberikan manfaat jangka masa panjang kepada alam sekitar dan juga mengurangkan tekanan fiskal terhadap subsidi minyak yang bersifat sementara. Jawatankuasa juga turut diberikan penerangan oleh Kementerian Kerja Raya dan Suruhanjaya Tenaga berhubung infrastruktur sistem pengecasan kenderaan elektrik dalam menyokong pertumbuhan kenderaan elektrik di Malaysia. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa peningkatan infrastruktur sistem pengecasan kenderaan elektrik sedang giat dibangunkan secara berfasa dalam mencapai sasaran yang ditetapkan mengikut nisbah jumlah kenderaan elektrik semasa.

Mesyuarat ini merekodkan kehadiran 14 orang Ahli Parlimen yang terdiri daripada Ahli – ahli Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa, Jawatankuasa Pilihan Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi seperti Ahli Parlimen Subang, Tanjong Manis, Kubang Pasu, Langkawi, Balik Pulau, Ipoh Timor, Bukit Bendera, Parit , Machang, Kampar, Bakri, Klang dan Wangsa Maju. Manakala Ahli Parlimen Gopeng sebagai Ahli Parlimen jemputan ke mesyuarat ini.

Mesyuarat ini juga telah turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Azman bin Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya; YBhg. Datuk Hanafi Sakri, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perindustrian) daripada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri; YBrs. Puan Siti Safinah Salleh, Ketua Eksekutif Suruhanjaya Tenaga; YBrs. Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, ex-officio daripada Kementerian Ekonomi dan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.

Mesyuarat ini disifatkan sebagai satu platform yang baik dalam mendapatkan penerangan menyeluruh berhubung isu – isu industri automotif elektrik serta merupakan nilai tambah kepada Ahli-ahli Jawatankuasa dalam meningkatkan kefahaman serta peranan Jawatankuasa yang sentiasa memperjuangkan kepentingan rakyat dan negara tanpa mengira latar belakang politik.

- **TAMAT** -